



**BERSALAH:** Tertuduh (kiri) diiring polis keluar dari kamar Mahkamah Sesyen selepas dituduh hukuman semalam.

## Lelaki rogor remaja bawah umur dipenjara 10 tahun, lapan sebatan

**KUCHING:** Seorang pekerja kedai dijatuhi hukuman penjara 10 tahun dan lapan sebatan di Mahkamah Sesyen semalam selepas mengaku bersalah terhadap dua pertuduhan merogol remaja perempuan berusia 13 tahun pada 2024.

Hakim Zuraidah Zakaria memerintahkan tertuduh berusia 22 tahun itu dijatuhi hukuman penjara 10 tahun dan empat sebatan bagi setiap pertuduhan dengan hukuman penjara berjalan serentak.

Zuraidah juga memerintahkan tertuduh menjalani sesi kaunseling pemulihan sepanjang menjalani hukuman, selain menjalani pengawasan polis selama setahun selesai menjalani hukuman.

Mengikut kedua-dua pertuduhan, tertuduh didakwa merogol mangsa dalam dua kejadian berasingan sekitar jam 12.15 tengah malam dan 2 pagi, masing-masing di tandas serta bilik kosong di sebuah asrama pekerja di Matang di sini pada 31 Januari 2024.

Ketika kejadian, mangsa berusia 13 tahun lapan bulan.

Kedua-dua pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga 20 tahun dan boleh disebat, jika sabit kesalahan.

# Lelaki rogol remaja bawah umur dipenjara 10 tahun, lapan sebatan

## ► Dari Muka 1

Fakta kes mendedahkan ibu mangsa mengesyaki anak perempuannya telah melakukan hubungan seks dengan teman lelakinya (tertuduh).

Susulan itu, ibu mangsa membuat laporan polis sehingga membawa kepada penangkapan tertuduh, sementara mangsa dihantar

ke Hospital Umum Sarawak untuk pemeriksaan.

Hasil pemeriksaan doktor terhadap mangsa kemudiannya mendapati terdapat koyakan lama pada hymen mangsa.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Mohd Fadzri Azham Zainudin sementara tertuduh diwakili peguam Moh Ung Kieng.